

## **Anugerah diperoleh bukti KUIS komited perkukuh institusi zakat**

**June 2017**

**OLEH HAFIZAN TAIB**

**(<https://selangorkini.my/2017/06/anugerah-diperoleh-bukti-kuis-komited-perkukuh-institusi-zakat/>)**

BANDAR SERI PUTRA, 7 JUN: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) berjaya menerima Anugerah Prestasi Komitmen dan Pengurusan Terbaik 2016 kategori Penolong Amil Institut Pengajian Tinggi/Institut Pengajian Tinggi Swasta, April lalu.

Anugerah disampaikan Lembaga Zakat Selangor (LZS) pada Majlis Anugerah dan Penghargaan LZS 2016 itu membuktikan KUIS komited untuk memperkasakan instrumen zakat, wakaf dan sedeqah secara profesional dalam menuju sebuah universiti wakaf.

Sempena Ramadan kali, KUIS melancarkan kempen Jom Berzakat, Wakaf dan Sedeqah bagi kemudahan orang ramai menunaikan tanggungjawab itu di kolej berkenaan.

Kempen bertemakan ‘Sempurnakan Zakat, Hidup Berkat’ dilaksanakan KUIS bagi membantu mahasiswa melanjutkan pengajian di sini serta melahirkan generasi Dai, Ulama dan Umara.

Rektor KUIS, Prof Dato’ Dr Abdul Ab Halim Tamuri, berkata menerusi kempen itu, ia membolehkan kolej menjana dana melalui kutipan zakat, wakaf dan sedeqah dalam usaha membantu pelajar memerlukan.

“Diharap pembayar zakat dapat melaksanakan tanggungjawab dengan membayar di sini kerana KUIS dilantik sebagai ejen oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS).

“Kita akan mengagihkan 50 peratus daripada kutipan zakat kepada mahasiswa manakala sebahagian lagi diserahkan kepada LZS.

“Begitu juga dengan sumbangan wakaf dan sedeqah diberikan pelepasan cukai Lembaga Hasil Dalam Negeri,” katanya.

Sehubungan itu, KUIS mengajak individu, masyarakat, badan korporat, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan syarikat swasta untuk bersama menunaikan tanggungjawab berkaitan di sini.

Maklumat lanjut boleh diperoleh dengan berhubung Bahagian Zakat, Wakaf dan Infaq (BZWI) KUIS di talian 03 – 8911 7100 / 7076 atau layari laman sesawang : [www.kuis.edu.my](http://www.kuis.edu.my)